



SASBADI HOLDINGS BERHAD

(1022660-T)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4,

Taman Sains Selangor 1,

Kota Damansara,

47810 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 6145 1188

Fax: +603 6145 1199

Website: www.sasbadiholdings.com

Email: enquiry@sasbadi.com

UNTUK PENYIARAN SERTA-MERTA

MELANGKAU PEMGEKODAN: PELAJAR MEMPAMERKAN KEUPAYAAN MENANGANI MASALAH DUNIA SEBENAR DENGAN SOLUSI ROBOTIK

PERAK 27 Ogos 2019 – Ketika iRobot diasaskan pada abad ke-19, ketua pegawai eksekutifnya, Colin Angle pernah berkata, “Orang ramai terpesona terhadap robot kerana ciptaan ini mampu meniru kehidupan.” Kini, kita telah menyaksikan industri robotik telah berkembang pesat dan menjadi satu kemahiran yang penting pada abad ke-21.

Dianjurkan oleh **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** dan **Sasbadi Holdings Berhad** sejak tahun 2005, Pertandingan Robotik Kebangsaan atau *National Robotics Competition (NRC)* merupakan platform yang dapat menjadi pemangkin generasi muda untuk mempelajari robotik secara *hands-on* dan menyeronokkan. Pertandingan ini juga sejajar dengan hasrat KPM untuk memupuk minat para pelajar dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Pada tahun ini, pertandingan peringkat negeri Selangor telah menyaksikan lebih daripada 300 pasukan yang terdiri daripada 600 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang telah berlangsung dari 26 Ogos hingga 27 Ogos di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim.

Tema tahun ini, **Smart Cities** mencabar para pelajar untuk memahami konsep Internet Benda atau *Internet of Things* yang membolehkan alat-alat peranti untuk berhubung antara satu dengan yang lain, menukar data, dan menjadikan operasi bandar lebih mampan dan efisien. Dengan kefahaman konsep ini, para peserta dicabar untuk mencipta solusi yang bertumpu pada operasi bandar pintar dari segi menjimatkan tenaga, menjadikan trafik lebih selamat dan menambah baik sistem pengangkutan awam.

Tema ini bertujuan untuk menguji kebolehan para peserta berumur 7 hingga 19 tahun untuk menyelesaikan masalah dunia sebenar dengan pemikiran kritis dan kreativiti, selain memupuk semangat berpasukan serta kemahiran komunikasi dan kolaborasi.



Majlis penutupan pertandingan ini disempurnakan oleh Tetamu Kehormat, iaitu **Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, YBhg. Encik Muhamad Radzi bin Abdullah**. Beliau berkata, “Dalam abad ke-21 ini, kita berada di suatu fasa menarik apabila negara kita kini sedang menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Perkembangan ini memberikan kesan secara langsung dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan khususnya untuk melahirkan tenaga kerja yang relevan dengan kehendak semasa serta mampu mereka cipta dan menggunakan teknologi untuk menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif bagi memacu kemajuan ekonomi negara.”

Setiap pasukan bertanding dalam satu daripada enam kategori: **Regular Pro, Regular Rookie** (pasukan yang menyertai NRC untuk pertama kali), **Open, WeDo Regular, NRC Football** atau **STEM Invention & Innovation**. Dalam kategori *Regular Pro* dan *Rookie*, pelajar sekolah rendah (berusia 7 hingga 12 tahun) dicabar untuk mereka cipta dan memprogram sebuah teksis pandu sendiri; pelajar sekolah menengah rendah (berusia 13 hingga 15 tahun) pula berhadapan dengan cabaran berkaitan pencahayaan pintar. Bagi pelajar sekolah menengah atas (berusia 16 hingga 19 tahun), mereka perlu mereka cipta dan memprogram sebuah robot untuk memasang peranti nod wayarles. Setiap pasukan dinilai dari segi pratikal dan kreativiti mereka dalam penggunaan teknologi **LEGO® MINDSTORMS®** di atas litar permainan.

Dalam kategori *Open* (terbuka kepada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas), pasukan diminta untuk membentangkan solusi robotik dalam aspek-aspek pentadbiran, tempat kerja dan pendidikan kepada para hakim.

Kategori baharu *WeDo Regular* yang diperkenalkan pada tahun lepas mencabar pelajar berusia 7 hingga 9 tahun untuk memprogram perjalanan bas sekolah pandu sendiri dengan **LEGO® Education WeDo 2.0**. Kategori *NRC Football* pula menyediakan cabaran bola sepak robotik yang memerlukan pasukan-pasukan yang terlibat memprogram 2 buah robot (1 penjaga gol dan 1 penyerang) untuk bertanding antara satu dengan yang lain. Akhirnya, pelajar berusia 10 hingga 14 tahun dalam kategori *STEM Invention & Innovation* mempamerkan kehebatan masing-masing dalam mereka cipta sebuah mesin bermotor untuk memanjat sebuah tiang bagi memungut bola di atasnya.

Pertandingan NRC peringkat negeri dianjurkan di 13 negeri dan 3 wilayah persekutuan dari Julai hingga September 2019. Pasukan yang menang akan membawa cabaran ke pertandingan NRC peringkat kebangsaan 2019 di Universiti AIMST, Bedong, Kedah pada 20 hingga 22 September 2019. Selain pihak penganjur, pertandingan NRC juga dikuasai oleh **LEGO® Education**. Untuk maklumat lanjut tentang pertandingan ini, sila layari <http://nrc.sasbadi.com>



TENTANG PENGANJUR – SASBADI HOLDINGS BERHAD

Sasbadi Holdings Berhad ialah sebuah syarikat penyedia solusi pendidikan yang telah tersenarai di Bursa Saham Malaysia sejak tahun 2014. Ditubuhkan pada tahun 1985, syarikat ini telah berkembang daripada penerbit buku dan bahan pendidikan yang berkualiti kepada penyedia solusi pendidikan terkemuka dengan menawarkan pelbagai produk melalui pelbagai medium. Produk-produk tersebut termasuklah bahan pendidikan akademik dan bukan akademik, produk digital yang berteknologi tinggi, alat pembelajaran dan produk perniagaan rangkaian pemasaran berbilang aras.

Kumpulan Sasbadi Holdings menjalankan operasi berdasarkan lima teras, iaitu Membangunkan Kandungan, Membangunkan Teknologi, Mengasah Kemahiran, Memperkayakan Kehidupan dan Membina Rangkaian. Menyedari kepentingan pembelajaran abad ke-21, Sasbadi telah menjuarai pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui program robotik untuk para pelajar dengan kerjasama dengan rakan-rakan strategi utama seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan LEGO Education. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.sasbadiholdings.com/>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Joanne Tay
Group Marketing & Communication Manager
Sasbadi Holdings Berhad
Tel: 03-61451022 / 016-2101220
E-mel: joannetay@sasbadi.com

Jason Kok
Marketing & Communication Executive
Sasbadi Holdings Berhad
Tel: 03-61451019 / 012-2115862
E-mel: jasonkok@sasbadi.com

